

20/05/2003

Seluruh Malaysia jadi kawasan MSC

Khairul Anuar Abdul Samad

MENJELANG 2020, dijangka seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak akan menjadi kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) apabila projek mega utama negara itu yang mensasarkan ke arah menjadikan negara hub utama teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) rantau ini dikembangkan.

Naib Presiden Multimedia Development Corporation (MDC), Kamil Othman, berkata langkah mengembangkan kawasan MSC itu sebahagian daripada usaha pengembangan fasa kedua projek itu selepas berakhirnya pembangunan fasa pertama.

Katanya, fasa kedua pembangunan MSC itu dijangka membabitkan tempoh kira-kira enam tahun, iaitu antara 2004 dan 2010, berdasarkan matlamatnya iaitu menjelang 2020 nanti, seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak akan menjadi MSC.

"Proses menjadikan seluruh negara sebagai MSC tidak dapat dilaksanakan dalam masa singkat kerana usaha membangunkannya perlu dirangkaikan dengan negeri yang mempunyai kemudahan prasarana multimedia.

"Sebagai contoh, seperti yang diketahui setiap negeri di negara ini sudah mempunyai program teknologi maklumat (IT) mereka sendiri dan ini memerlukan satu strategi untuk pembentukan MSC seluruh Malaysia memandangkan setiap negeri sudah tersedia dengan prasarannya," katanya pada majlis ramah mesra dengan media di Cyberjaya, baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif MDC, Datuk Dr Mohamed Arif Nun, pegawai dan kakitangan MDC serta pegawai komunikasi korporat daripada syarikat berstatus MSC.

Kamil berkata, usaha ke arah membentuk seluruh Malaysia sebagai kawasan MSC itu di jangka dibincangkan dalam Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang dijadualkan diadakan di Cyberjaya pada 4 September depan.

Katanya, anggota IAP juga berpeluang mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rancangan seterusnya, terutama sekali mengenai perubahan ekonomi global tertentu yang sedang menanti termasuk isu Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Ini semua akan mewakili satu siri cabaran lain, namun begitu IAP terus mendapat perhatian dan sehingga kini 14 syarikat sudah bersetuju menghadiri mesyuarat IAP itu," katanya.

Mengenai kejayaan fasa pertama MSC, Kamil berkata, kira-kira 850 syarikat mencapai status MSC berbanding sasaran 500 buah dan 15 daripadanya syarikat bertaraf dunia.

"Dalam fasa pertama, ia lebih memberi penekanan kepada pelaksanaan idea konsep menjadi kenyataan manakala fasa kedua akan menjadikan bahagian

lain

Malaysia sebagai MSC," katanya.

Beliau melahirkan keyakinan bahawa fasa seterusnya tidak saja akan menekankan pembangunan infrastruktur tetapi juga pembangunan seperti tenaga kerja mahir dan kelebihan pemasaran.